

UM/AA58/UM/27.10.1999/P:6 (1-3) 1-repo

Mencegah penagihan berulang

SETELAH penagih-penagih dadah dibebaskan dari pusat-pusat serenti, diperhatikan peranan ibu bapa untuk membantu anak mereka agar tidak terjerumus kembali ke kancah dadah adalah lebih jelas berbanding dengan usaha pihak-pihak lain.

Satu kajian yang diusahakan oleh penyelidik UUM ke atas bekas-bekas penagih mendapati pelbagai cara dan langkah diambil oleh ibu bapa untuk melindungi anak mereka daripada menagih semula. Antaranya ialah mengawasi pergaulan, memberi nasihat, mencari rawatan alternatif, memindahkan anaknya ke tempat lain dan meningkatkan pengajaran keagamaan.

Banyak kajian tempatan mendapati bahawa pelatih yang keluar dari pusat pemulihan akan kembali semula ke kampung dan tinggal bersama kedua ibu bapa. Selalunya mereka akan tinggal untuk seketika sementara mendapat kerja. Di tempat tinggal yang asal ini, individu tersebut akan terdedah semula kepada dadah. Tarikan terhadap dadah begitu kuat dan diakui secara jujur oleh bekas penagih. Kawan-kawan lama yang masih menagih akan mencari rakan mereka yang baru keluar pusat untuk diajak menyertai kumpulan mereka semula.

Ibu bapa selalunya sedar akan tarikan dadah dan pengaruh rakan sebaya. Satu cara yang digunakan untuk mengatasi masalah ini ialah dengan cara menghantar anak mereka untuk tinggal dan bekerja di luar daerah bersama saudara mara mereka. Saudara-mara lazimnya akan memberi dorongan serta semangat dan mengawasi mereka. Bekas penagih menyatakan cara ini dapat menghindari mereka ini daripada terlibat semula dengan dadah.

Penagihan dadah adalah satu pergantungan fizikal dan mental yang amat menyeksakan. Individu yang menagih semula selepas keluar dari serenti lazimnya sudah sedar tentang keburukan dadah. Mereka akan cuba untuk berhenti dengan cara mengurung diri dalam rumah. Terdapat ibu bapa yang menyediakan bilik khas untuk anaknya, dengan tujuannya untuk kegunaan si anak mengurung dirinya apabila mengalami ketagihan dadah. Ada juga ibu bapa yang memandikan anaknya yang menagih apabila mengalami ketagihan dadah dan menjaga sewaktu sakit. Semua ini dilakukan di samping dorongan berterusan supaya anaknya dapat memutuskan ketagihan terhadap dadah.

Bagi ibu bapa yang anaknya menghidap AIDS dan disahkan HIV positif, mereka lebih banyak memberi dorongan dan semangat untuk terus hidup. Ketika ini ibu bapa akan cuba sedaya upaya memenuhi hasrat anak mereka. Ada yang ingin berkahwin dengan pasangan yang sesama menghidap AIDS. Walaupun ibu bapa menyedari tentang kesan daripada perkahwinan ini, ia terus dilakukan selalunya setelah mendapat nasihat daripada kaunselor Agensi Dadah Kebangsaan (ADK). Mereka akui, sebolehnya hasrat anak mereka ini ingin dipenuhi supaya keseksaan yang dialami itu dapat dikurangkan.

Adik-beradik juga didapati berkorban untuk ahli keluarga yang ketagih. Ada yang berpindah supaya pertengkaran dengan abang mereka yang menagih dapat dikurangkan. Ahli keluarga yang menagih sering kali memarahi adik-adik apabila tidak mendapat dadah dan mengamuk serta merosakkan peralatan dalam rumah. Ibu bapa lazimnya meminta anak-

anaknya yang tinggal serumah supaya berpindah ke rumah sewa atau ke rumah saudara-mara yang berhampiran untuk mengelak keadaan bertambah serius kerana terdapat adik-adik yang suka melawan apabila dicabar oleh abang mereka.

Banyak ibu bapa mengatakan perasaan kecewa dengan anaknya yang tidak sembuh setelah sudah dua tahun mengikuti program serenti. Sebilangan besar akan terus membawa anak-anak mereka untuk mendapat rawatan kerohanian atau tradisional. Perbelanjaan yang banyak lazimnya diperlukan kerana tempat rawatan tradisional selalunya berjauhan dengan tempat tinggal mereka, dan kos rawatan ini dibiayai oleh ibu bapa walaupun mengalami bebanan kewangan yang banyak.

Rawatan alternatif yang pernah dicuba adalah seperti rawatan dukun, bomoh, pusat-pusat kerohanian, pusat-pusat tradisional dan klinik swasta. Walaupun demikian, seperti juga dengan pusat serenti, rawatan-rawatan alternatif ini tidak memberi sebarang jaminan yang anak mereka akan sembuh.

Lazimnya, apabila bekas penagih keluar dari pusat serenti, mereka tidak mempunyai pekerjaan dan penagih sendiri mengakui bahawa majikan sukar percaya kepada mereka apabila mengetahui mereka adalah bekas penagih dadah. Dalam keadaan sedemikian, ibu bapa akan membiayai keperluan mereka seperti membeli pakaian dan memberi wang poket untuk membeli rokok. Harapan ibu bapa agar anaknya selesai untuk tinggal di rumah dan tidak keluar melepak bersama penagih-penagih yang lain.

Meminta

Sementara itu, jika bekas penagih bekerja, ibu selalunya meminta agar sebahagian wang gaji disimpan olehnya untuk mengelakkan daripada menyalahgunakan wang untuk membeli dadah. Wang simpanan tersebut selalunya disimpan sedikit-sedikit untuk digunakan mendirikan rumah tangga apabila ia mencukupi kelak.

Bagi penagih yang telah berkahwin, semasa mereka ditahan di pusat serenti, ibu bapa selalunya akan menjaga menantu mereka. Segala perbelanjaan isteri akan ditanggung oleh ibu bapa. Sejurus selepas dibebaskan dari pusat, ibu bapa terus memberi bantuan kewangan sehinggalah anaknya mendapat kerja.

Terdapat juga ibu bapa yang memberi rumah untuk anaknya memulakan kehidupan baru. Sekiranya anaknya masih tinggal bersama mereka, ibu bapa akan sentiasa memberi nasihat yang menekankan pentingnya masa depan tanpa dadah. Masa depan cucu juga akan terjejas sekiranya anaknya masih menagih.

Banyak ibu bapa kepada penagih dadah sedar bahawa pendidikan agama merupakan benteng untuk menguatkan ketahanan diri terhadap dadah. Walaupun sebelum ini, mereka tidak banyak mengambil perhatian terhadap pembelajaran agama anak-anak, namun selepas menjalani rawatan, ibu bapa akan menggalakkan anak mereka ke surau untuk mempelajari agama. Di samping itu, mereka sendiri juga menasihati dengan menyelitkan unsur-unsur agama tentang buruknya penagihan dadah dari segi agama. Pengajaran agama seperti sembahyang di surau dan berjemaah digalakkan supaya dapat menjauhkan anaknya daripada akhlak yang buruk dan menghilangkan ingatan terhadap dadah.

Rakan-rakan di tempat kerja juga memainkan peranan untuk mempengaruhi bekas penagih untuk menagih semula.

Oleh itu, ibu bapa lebih suka anaknya bekerja di tempat tertentu supaya pergaulan dengan rakan-rakan yang menagih dapat dielakkan serta dapat diawasi oleh keluarga.

Selain itu, pengawasan terhadap pergaulan bekas penagih lebih mudah dilakukan oleh saudara-mara seandainya mereka bekerja di kampung. Kebanyakan bekas penagih bekerja dengan keluarga dan saudara-mara. Ibu bapa yang anaknya bekerja di luar daerah selalunya memastikan anaknya pulang awal selepas waktu bekerja. Sekiranya anak mereka pulang lewat, ibu atau bapa akan bertanya sebab-sebab pulang lewat atau menyuruh adiknya pergi melihat di tempat kerja. Tindakan sebegini menyebabkan ramai di kalangan bekas penagih yang terlibat rasa disayangi dan ini dapat membantu mengelak daripada penagihan semula kerana ada perasaan dihargai.

Ramai juga bekas penagih yang menagih semula menyatakan kepada penyelidik bahawa sebab utama mereka mengambil semula dadah kerana keluarga tidak mengambil berat tentang diri mereka. Mereka terasa seperti kehadiran mereka dalam keluarga tidak diiktirafkan oleh ibu bapa dan saudara mara yang lain. Sebagai alternatif mereka mencari rakan-rakan lama dan ini merupakan faktor pendorong ke arah penagihan semula.

Perkembangan

Pemerhatian terhadap perkembangan anaknya juga dilakukan di tempat kerja. Bapa selalunya didapati menelefon majikan anaknya untuk bertanya tentang ketekunan, pergaulan dan tumpuan mereka terhadap kerja. Sekiranya anaknya kembali menagih sudah tentu ia dapat dikesan melalui prestasi kerja yang merosot, di samping pergaulan yang tidak wajar.

Terdapat juga ibu bapa yang masih khuatir tentang keadaan anaknya di tempat kerja mengambil langkah drastik seperti membuat lawatan ke tempat kerja secara mengejut supaya dapat memastikan keadaan sebenar anak mereka. Ibu bapa turut mengawasi dengan siapa anaknya berkawan di tempat kerja supaya dapat diambil tindakan awal seperti menasihatkan anaknya supaya berhenti dan mencari kerja di tempat baru sekiranya terdapat pengaruh dadah di tempat tersebut.

Banyak lagi langkah-langkah serta pengorbanan yang dilakukan oleh ibu bapa bagi membantu anak-anak mereka memelihara status bebas dadah. Salah satu rumusan kajian ini ialah anak-anak yang dibantu, disayangi dan diberi perhatian oleh ibu bapa selalunya tidak menagih semula kepada dadah. Kalaupun mereka menagih semula, ia bukannya sejurus selepas mereka keluar dari pusat-pusat pemulihan.

Bekas-bekas penagih amat menghargai perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa. Jikalau ditinjau mereka yang kecundang buat kali kedua, ketiga atau lebih dari itu, ia sering kali boleh dikaitkan dengan faktor keluarga yang tidak ambil kisah tentang kebajikan mereka. Hal ini disampaikan oleh bekas-bekas penagih kepada kumpulan penyelidik. Kegagalan ibu bapa memelihara hubungan baik dan mesra selalu diperhatikan sebagai punca masalah penagihan semula.

Lantaran itu, pengorbanan ibu bapa sememangnya amat penting dalam usaha membantu anak yang pernah ketagih untuk tidak mengulangi perbuatannya lagi.